
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMS 411 – Falsafah Sejarah

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

1. Epistemologi atau sumber sejarah menurut perspektif Barat dan Timur mempunyai persamaan dan juga perbezaan. Jelaskan.
(25 markah)
2. Dari segi teleologi atau tujuan sejarah, terdapat dua tujuan utama dalam kajian falsafah sejarah. Nyatakan tujuan-tujuan ini serta perbezaan-perbezaannya.
(25 markah)
3. Dalam persoalan kosmologi sejarah, terdapat pelbagai teori gerak sejarah yang pernah dibahaskan oleh para sarjana. Menurut pengamatan anda, teori gerak sejarah manakah yang lebih penting dan dominan?
(25 markah)
4. Persoalan eskatologi atau akhir sejarah merupakan tema besar dalam falsafah sejarah. Bahaskan persoalan ini dalam hubungannya dengan doktrin messianisme dan gerakan messianistik yang pernah timbul dalam sejarah.
(25 markah)
5. Hukum sebab-akibat (*causality*) yang dominan dalam bidang sains juga dapat dipakai dalam bidang sejarah. Bahaskan isu ini berdasarkan teori *Covering Law Model* (CML) oleh C.G. Hempel.
(25 markah)
6. Menurut hukum aksiologi atau moral, setiap perbuatan baik atau buruk akan mendapat balasan yang setimpal. Bagaimanakah penjelasan anda tentang kisah-kisah orang zalim dalam sejarah kemanusiaan yang sentiasa mendapat kejayaan dalam kehidupannya?
(25 markah)